



PROF. DR. ABDUL HALIM ABDUL GAFOR
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 6 Januari 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2025

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN SEMPERA TAHUN BARU CINA DAN HARI RAYA AIDILFITRI

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 29 hingga 30 Januari 2025 (Rabu hingga Khamis) serta Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut pada 31 Mac hingga 1 April 2025 (Isnin hingga Selasa) adalah berkaitan.

2. Sehubungan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara tersebut kepada pelajar yang terlibat **tertakluk kepada kelulusan Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P)** bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut dengan:

- i. Memberikan pelepasan kuliah;
- ii. Melaksanakan aktiviti Pengajaran & Pembelajaran (P&P) secara dalam talian atau hibrid; **dan/atau**
- iii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

3. Pelepasan kepada pelajar yang terlibat mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan seperti berikut:

Perayaan	Tarikh	Pelajar Yang Terlibat	Pelaksanaan
Tahun Baru Cina	22 hingga 24 Januari 2025 (Rabu hingga Jumaat) (3 hari)	Pelajar berbangsa Cina dan penganut agama Buddha	Aktiviti P&P secara dalam talian ATAU secara hibrid tertakluk kepada kelulusan F/I/P

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/cansolori

Perayaan	Tarikh	Pelajar Yang Terlibat	Pelaksanaan
Hari Raya Aidilfitri	17 hingga 23 Mac 2025 (Isnin hingga Ahad) (7 hari)	Pelajar Sabah dan Sarawak sahaja	Aktiviti P&P secara hibrid tertakluk kepada kelulusan F//P
	24 hingga 30 Mac 2025 (Isnin hingga Ahad) (7 hari)	Semua pelajar	Aktiviti P&P secara dalam talian tertakluk kepada kelulusan F//P
	2 hingga 6 April 2025 (Selasa hingga Ahad) (5 hari)		

4. Bagi para pelajar yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampus selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan para pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah lain yang bersesuaian.


5. Pihak Universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali ke kampus kelak.

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

'Selamat Menyambut Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri'

Sekian.

Yang benar,



PROFESOR DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselor